

UNTUK EDARAN SEGERA



SIARAN MEDIA

LEMBAGA TABUNG ANGKATAN TENTERA PERJELAS MENGENAI RIZAB

*Rizab Gabungan Bersih sebanyak RM160 juta dan
Nisbah Solvensi Buku melebihi 100%*

KUALA LUMPUR, 8 MAC 2024 – Lembaga Tabung Angkatan Tentera (“LTAT”) merujuk kepada isu Rizabnya seperti yang dibangkitkan dalam Laporan Ketua Audit Negara bagi Agensi Persekutuan 2022 dan ingin memberikan penjelasan mengenai perkara ini.

Kami ingin menjelaskan bahawa Rizab negatif LTAT yang telah dibangkitkan hanya mewakili satu komponen Rizab iaitu, Rizab Pendapatan Komprehensif Lain (“*Other Comprehensive Income (OCI)*”). **Rizab Gabungan LTAT terdiri daripada tiga (3) komponen**, iaitu, **Keuntungan Tertahan, Dana Rizab dan Rizab OCI**, yang secara bergabung mencerminkan kestabilan kewangan LTAT.

Dana Rizab terus kekal tidak berubah dan ditetapkan pada kadar 2% daripada baki akaun pencarum lantas menyediakan asas kepada kestabilan kewangan. Rizab OCI pula terdiri daripada keuntungan/kerugian terkumpul aset yang belum direalisasikan yang dilabelkan mengikut piawaian perakaunan sebagai FVTOCI (Nilai Saksama Pendapatan Komprehensif Lain), mencerminkan turun naik dalam pasaran dan prestasi aset.

Sehubungan dengan itu, walaupun Rizab OCI menunjukkan nilai defisit, baki bersih **Rizab Gabungan pada akhir Tahun Kewangan 2022 adalah positif berjumlah RM160 juta, peningkatan daripada tahun sebelumnya**. Tambahan pula, Rizab Gabungan pasca-dividen yang belum diaudit bagi Tahun Kewangan 2023 juga akan menunjukkan peningkatan, lantas mencerminkan komitmen LTAT terhadap perjalanan transformasinya ke arah pengukuhan kedudukan kewangannya.

Kedudukan Rizab Bersih yang positif ini **membawa kepada Nisbah Solvensi Buku melebihi 100%, mengesahkan bahawa Aset Bersih pada Nilai Buku melebihi jumlah caruman pencarum**. Ini menandakan keupayaan LTAT untuk memberi dividen kepada semua pencarum.

UNTUK EDARAN SEGERA

Berkenaan dengan isu Keuntungan Bukan Tunai yang menyumbang kepada pendapatan bagi Tahun Kewangan 2022, **jika komponen Untung Bukan Tunai ini diasingkan, LTAT masih dapat mengekalkan kadar solvensi tidak kurang daripada tahap ambang minima (*threshold*) sepetimana yang telah ditetapkan dalam Polisi Dividen.** Sebagai sebuah dana persaraan, dividen yang diisyiharkan tidak melibatkan pengeluaran tunai secara terus dan hanya akan dikreditkan ke dalam akaun caruman ahli. Oleh itu, kedudukan kecairan LTAT kekal stabil, memastikan kami dapat memenuhi semua komitmen apabila diperlukan.

LTAT kekal komited terhadap ketelusan, akauntabiliti dan kesejahteraan para pencarum dan penerima manfaat. Kami akan terus berusaha untuk mencapai piawaian tertinggi tadbir urus, tatakelola dan pengurusan kewangan untuk menjaga kepentingan semua pihak berkepentingan. Dalam hal ini, LTAT akan berhubung dengan pihak berkepentingan yang berkaitan untuk menangani sebarang pertanyaan atau isu yang berkaitan dengan rizab dan/atau perkara lain yang berkaitan dengan kemampunan dana.

Secara kesimpulannya, Rizab LTAT adalah tertakluk kepada pengawasan rapi dan diuruskan mengikut keperluan kawal selia di bawah Akta Tabung Angkatan Tentera 1973 (Akta 101). LTAT memberi jaminan kepada orang ramai bahawa kedudukan kewangannya kekal teguh dan mampu memenuhi segala kewajipannya.

LEMBAGA TABUNG ANGKATAN TENTERA (LTAT)
8 MAC 2024

UNTUK EDARAN SEGERA

Mengenai Lembaga Tabung Angkatan Tentera (LTAT)

Ditubuhkan pada bulan Ogos 1972 di bawah Akta Tabung Angkatan Tentera 1973 (juga dikenali sebagai Akta 101), LTAT merupakan sebuah institusi badan berkanun yang menyediakan kemudahan Skim Simpanan Persaraan kepada para Pegawai dan anggota lain-lain pangkat Angkatan Tentera Malaysia (ATM) serta pesara tentera. Terbaharu, Akta Tabung Angkatan Tentera 1973 telah diumumkan pindaannya pada 1 November 2022.

LTAT menguruskan RM11.54 bilion Aset Di bawah Pengurusan setakat 31 Disember 2023 dengan pengisytiharan dividen sebanyak 5% kepada pencarum pada tahun 2022, selepas pembayaran tahun sebelumnya sebanyak 4.1% pada tahun 2021, 3.5% pada tahun 2020, 2.5% pada tahun 2019 dan 2% pada tahun 2018.

PERHUBUNGAN MEDIA:

Izzat Alhadjri

Pengarah,

Ketua Komunikasi

E-mel : izzat.alhadjri@ltat.gov.my atau comms@ltat.gov.my

No. Tel : +603-48158888

Laman web : www.ltat.gov.my